

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI  
[ HULU SELANGOR ]**

**SOALAN NO. 183**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dengan terperinci mengenai dasar baharu bagi pengurusan dan **pengimportan sisa plastik** dan adakah dasar ini dapat mengatasi kelemahan-kelemahan industri kitar semula plastik di mana perkembangan industri ini menyebabkan kewujudan banyak kilang pemprosesan sisa plastik haram dan pencemaran alam sekitar.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, dasar Kementerian Perumahan dan Kerajaan (KPKT) berkenaan pengimportan sisa plastik adalah sangat jelas iaitu dengan menetapkan pengimport perlu memiliki Lesen Import (AP) Sisa Plastik di bawah Kod Tarif 39.15 terlebih dahulu sebelum membawa masuk sisa plastik ke Malaysia. Pengimport perlu mematuhi 19 syarat-syarat yang ditetapkan oleh KPKT sebelum permohonan AP sisa plastik diluluskan.

2. Antara syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pengimport adalah syarikat perlu mengemukakan pengesahan kapasiti sebenar mesin pemprosesan oleh pihak SIRIM dan memastikan ratio sumber import adalah sebanyak 70% berdasarkan kapasiti kilang untuk menggalakkan penggunaan sisa plastik tempatan. Penetapan kedua-dua syarat ini

## NO SOALAN : 183

dapat memastikan kilang pemprosesan sisa plastik beroperasi berdasarkan kapasiti yang telah ditetapkan sahaja dan mengurangkan risiko pembekalan sumber sisa plastik kepada kilang yang lain seterusnya secara tidak langsung dapat mengatasi isu kewujudan kilang pemprosesan sisa plastik haram.

3. Selain itu, mulai 1 Jun 2020, KPKT telah menetapkan bahawa syarikat pengimport perlu mengemukakan surat pengesahan daripada pihak berkuasa, badan akreditasi atau organisasi disahkan (*certified body*) negara pengeksport bagi menjalankan aktiviti pengeksportan sisa plastik yang bertujuan memudahkan komunikasi di peringkat antarabangsa berkenaan pergerakan pengimportan sisa plastik Kod Tarif 39.15 ke Malaysia.

4. Kerajaan hanya membenarkan sisa plastik import yang bernilai tinggi, homogen dan bersih seperti sisa plastik daripada sumber perindustrian dibawa masuk ke Malaysia oleh pengimport sisa plastik.

5. KPKT percaya bahawa pelaksanaan dasar-dasar berkaitan pengurusan sisa plastik yang ditetapkan berupaya untuk mengawal kemasukan sisa plastik import ke Malaysia serta menangani isu pewujudan kilang-kilang memproses sisa plastik haram yang boleh mencemarkan alam sekitar. Selain itu, KPKT juga amat menggalakkan industri kitar semula untuk mengutamakan penggunaan sumber sisa plastik tempatan bagi meningkatkan Kadar Kitar Semula Kebangsaan.

Sekian, terima kasih.